

**Kunjungilah Perpustakaan Anda
Hari Ini**



Koleksi Hasil Penulisan Pegawai FRIM

Sebarang bentuk pertanyaan sila hubungi
kami di talian 7497, 7543 dan 7503
(kaunter perpustakaan)



Conserve, Innovate, Educate



PERPUSTAKAAN FRIM
INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA
KEPONG 52109
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel: 7497, 7532 dan 7503 (kaunter perpustakaan)

Pengenalan

Artikel jurnal, buku, laporan, kertas seminar dan sebagainya merupakan hasil aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang dijalankan di FRIM. Hasil penulisan ini samada diterbitkan atau tidak perlu dihantar ke perpustakaan untuk simpanan dan rujukan. Bagi memudahkan pengurusan dan pencarian, bahan-bahan tersebut direkod dan disimpan mengikut koleksi yang telah ditentukan iaitu koleksi penerbitan FRIM, koleksi FRIRO dan e-compendium. Bahan-bahan ini boleh dipinjam oleh penjawat awam FRIM kecuali yang ditanda dengan "Rujukan".



Koleksi Penerbitan FRIM

Koleksi ini terletak di tingkat 1 berhampiran ruangan membaca akhbar. Merupakan koleksi bercetak yang terdiri daripada buku, laporan, prosiding dan bahan terbitan bersiri yang diterbitkan oleh FRIM sendiri. Semua bahan di dalam koleksi ini adalah bertanda "Rujukan" iaitu bagi tujuan rujukan sahaja. Bagi tujuan peminjaman, pengguna boleh mendapatkan salinan yang terdapat samada dalam koleksi buku (tingkat 1) atau terbitan bersiri (tingkat bawah). Bahan-bahan di dalam koleksi ini boleh diakses menggunakan OPAC di bawah koleksi penerbitan FRIM.

Koleksi FRIRO

Koleksi ini terletak di tingkat 1 bersebelahan dengan koleksi penerbitan FRIM. Koleksi ini diwujudkan bagi mengumpulkan hasil-hasil penulisan pegawai penyelidik FRIM dalam bentuk artikel samada sebagai pengarang pertama atau kedua, ketiga dan seterusnya. Salinan artikel-artikel yang diterima oleh perpustakaan akan disusun di dalam kotak-kotak mengikut nama pengarang pertama dan tahun diterbitkan. Kotak-kotak ini juga disusun mengikut turutan abjad. Bagi tujuan pencarian, pengguna boleh terus mengambil kotak yang menempatkan artikel-artikel yang di tulis oleh pengarang yang diperlukan. Untuk mendapatkan singkatan bagi setiap nama pengarang, pengguna boleh menyemak senarai singkatan nama pengarang yang ditampal di tepi rak. Selain terus ke kotak, pengguna juga boleh menggunakan OPAC untuk mendapatkan no panggilan iaitu dengan memasukkan nama pengarang, masukkan subjek sebagai FRIRO dan memilih koleksi penerbitan FRIM. Keputusan pencarian akan menunjukkan no panggilan iaitu singkatan nama pengarang pertama dan tahun diterbitkan (contoh: RBR 2002), seterusnya pengguna terus pergi ke kotak RBR. Selain itu terdapat juga artikel-artikel yang tidak terdapat dalam lokasi ini tetapi berada dalam koleksi buku dan terbitan bersiri terutamanya artikel yang diterbitkan dalam prosiding. Oleh itu adalah lebih mudah sekiranya pengguna menggunakan OPAC untuk mendapatkan no panggilan bahan yang dicari.



E-kompndium

Berbeza dengan koleksi penerbitan FRIM dan FRIRO, e-kompndium merupakan pangkalan data artikel teks penuh pegawai-pegawai penyelidik FRIM yang diterbitkan dalam jurnal luar dan dalam negara. Kompndium ini hanya boleh diakses secara intranet sahaja memandangkan artikel-artikel yang terkandung terikat dengan akta hak cipta yang dipegang oleh penerbit. Bagi mengakses koleksi ini pengguna (penjawat awam FRIM sahaja) hendaklah membuka lamanweb FRIM dan pilih ikon perpustakaan dan klik pada *e-compndium* dan seterusnya masukkan katalaluan infocenter pengguna. Pencarian seterusnya boleh dibuat dengan memasukan nama pengarang dan/atau tajuk artikel.

